

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), Kementerian Dalam Negeri (KDN) sentiasa mengambil langkah yang perlu bagi menentukan keselamatan dan ketenteraman awam terpelihara daripada sebarang ancaman yang boleh menimbulkan rasa takut rakyat khususnya perlakuan jenayah yang melibatkan penggunaan senjata api. Umum mengetahui bahawa kebanyakan senjata api haram yang berada dalam negara dipercayai diseludup masuk ke negara ini.

Bagi mengesan penyeludupan senjata api di sempadan negara, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengambil beberapa pendekatan baharu selain daripada mengetatkan kawalan di sempadan seperti berikut:-

- i) Mendirikan *Ballistic Sentry Post* di beberapa buah lokasi di Negeri Kedah dan Perlis. Pos ini dilengkapi dengan peralatan khas untuk mengesan senjata api yang cuba diseludup seperti *mine detector* dan beberapa peralatan yang lain;**
- ii) Menubuhkan Unit Risikan Sempadan (URS) yang berfungsi untuk mendapatkan maklumat risikan di sempadan negara. Unit ini juga akan bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Thailand untuk bertukar-tukar maklumat antara kedua-dua negara;**

- iii) **Meningkatkan lagi operasi dalam negara seperti Ops Laras bagi mengesan penyeludupan senjata api ke dalam negara dan Ops Api bagi mengesan senjata api yang berada dalam Negara; dan**

- iv) **Kerajaan juga dalam perancangan untuk menaiktaraf pagar keselamatan sedia ada dan juga pembinaan pagar sempadan serta tumpuan kepada penggunaan peralatan yang menggunakan teknologi terkini seperti *drone*, mesin pengimbas (*scanner machine*) untuk mengesan pergerakan dan barangan yang dibawa masuk ke dalam negara;**

Kementerian tidak dapat memberikan jangkakan jumlah senjata api yang diseludup masuk ke dalam Negara. Namun demikian, berdasarkan statistik yang dikumpulkan daripada kes bunuh yang melibatkan senjata api telah menunjukkan pengurangan sejak tahun 2013 seperti berikut:-

KES BUNUH MELIBATKAN SENJATA API TAHUN 2008 HINGGA 2016 (JAN-SEPT)

KONTIJEN	2008		2009		2010		2011		2012		2013		2014		2015		2016 (JAN-SEPT)	
	JK	KS	JK	KS	JK	KS	JK	KS	JK	KS	JK	KS	JK	KS	JK	KS	JK	KS
PERLIS	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
KEDAH	1	0	4	3	4	1	2	1	4	3	4	1	5	2	3	1	0	0
P.PINANG	3	1	4	1	4	1	4	1	4	0	11	6	2	0	5	2	2	1
PERAK	3	0	4	0	6	3	4	1	7	4	11	2	4	2	2	0	3	1
SELANGOR	9	4	4	2	13	6	2	0	14	3	19	5	4	3	7	3	4	2
K.LUMPUR	2	0	9	3	6	1	0	0	4	1	5	1	6	4	1	0	5	2
N.SEMBILAN	5	3	2	1	0	0	1	0	1	1	4	0	2	2	1	0	0	0
MELAKA	0	0	0	0	0	0	1	1	1	0	1	1	0	0	0	0	0	0
JOHOR	4	1	4	1	2	1	5	2	8	2	10	6	3	1	5	2	0	0
PAHANG	0	0	0	0	2	0	1	1	4	2	2	1	1	1	2	1	0	0
TERENGGANU	1	1	0	0	0	0	2	2	2	1	1	0	0	0	2	1	1	0
KELANTAN	3	0	0	0	2	2	1	1	5	2	6	2	2	1	2	0	1	0
SABAH	4	1	7	5	5	5	9	6	4	3	11	3	8	6	7	3	5	2
SARAWAK	1	1	4	2	6	4	4	3	10	5	8	5	4	2	3	1	3	2
JUMLAH	37	13	42	18	50	24	36	19	68	27	93	33	41	24	40	14	24	10

Catatan : JK: Jumlah Kes, KS: Kes Selesai

Bagi menjawab soalan (b), bagi kawasan sempadan yang tidak berpagar di daratan dan di sungai-sungai yang menjadi pemisah antara kedua-dua negara, PDRM telah mengambil pendekatan seperti berikut:-

- i) Mesyuarat dua hala di peringkat Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Royal Thai Police (RTP) iaitu *Review of Joint Malaysia-Thailand Working Committee on Criminal Activities* diadakan secara berkala setiap tahun;

- ii) Mengadakan aktiviti penguatkuasaan Marin melalui aktiviti *Rendesvous* (RV) antara PDRM dan *Royal Thai Marine Police* (RTMP) yang diadakan setiap bulan antara Markas Takikal PGM Wilayah Tiga, Pengkalan Kubor, Kelantan bersama RTMP Naratiwat, Thailand. Manakala di sebelah Pantai Barat pula, Markas Operasi PGM Wilayah Satu Langkawi, Kedah bersama RTMP Satun, Thailand. Melalui RV tersebut, turut dibincangkan masalah-masalah terkini yang melibatkan persempadanan bersama untuk tindakan segera kedua-dua belah pihak; dan**
- iii) Pihak PDRM telah mengatur gerak penugasan anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) yang bertugas di sempadan dengan membuat rondaan jarak jauh dan juga bantuan daripada Unit Udara Polis untuk membuat tinjauan jika terdapat kesan berlaku pencerobohan di kawasan sempadan negara.**